

07/01/2003

Jangan perlekeh pertahanan Malaysia: Dr Mahathir

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan mana-mana pihak supaya tidak membuat sebarang andaian mengenai kekuatan pertahanan negara ini tanpa mengujinya terlebih dulu.

Perdana Menteri mengingatkan demikian ketika mengulas buku *Defending The Lion City: The Armed Forces of Singapore* tulisan Tim Huxley yang mendakwa Singapura mempunyai kelebihan untuk menawan Malaysia dari segi ketenteraan.

"Ya, kita akan tengok... rasa dulu kek sebelum makan (the truth of the cake is in the eating). Anda cuba... Huxley juga boleh cuba," katanya selepas menghadiri majlis perdana keempat perkhidmatan awam dan majlis perasmian Pusat Teknologi Pengurusan Institut Tadbiran Awam (Imatec) di Bukit Kiara, semalam.

Huxley, bekas fellow di Institut Kajian Asia Tenggara, dalam bukunya menulis mengenai kelebihan Angkatan Tentera Singapura (SAF) berbanding Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Penulis itu antara lain mendakwa anggota tentera SAF berpendidikan tinggi, dilengkapi peralatan berteknologi tinggi dan wujud kerjasama rapat dalam ketiga-tiga cabang perkhidmatannya.

Dr Mahathir berkata, tiada negara boleh mengambil alih sesebuah negara lain walaupun melalui tindakan perang, seperti yang terbukti dalam sejarah selama ini.

Perdana Menteri memberi contoh Jerman pernah menawan Perancis, tetapi akhirnya menyerah kalah dan begitu juga dengan Jepun yang terpaksa berundur selepas menyerang Malaysia sebelum merdeka.

Ditanya sejauh mana langkah kerajaan untuk mengukuhkan pertahanannya dalam menghadapi sebarang serangan atau peperangan, beliau berkata: "Secara asasnya, yang menentukan (pertahanan) ialah ketenteraan di darat, sama ada anda mahu mengebom keseluruhan kawasan atau berperang di darat."

Menjawab pertanyaan seorang wartawan penyiaran Singapura mengapa beliau kerap menggunakan istilah perang dalam kenyataannya sejak kebelakangan ini, Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak (kata macam itu) tetapi media kerap bertanya kita. Jadi kita menjawab. (Sebenarnya)... saya kata kalau sesiapa buat secara macam itu, akan mendapat 'bloody nose' (padah). Itu saja... bloody nose saja tetapi anda cakap perang, saya tak pernah cakap pasal perang."

Mengenai insiden pelanggaran kapal perang antikapal selam Singapura dengan kapal kargo berhampiran Pulau Batu Putih malam Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata kejadian itu tidak dapat dielakkan.

Katanya, ia berlaku pada waktu malam, tetapi jika jurumudi kapal mempunyai radar dan menggunakannya, mereka mungkin boleh melihat apa yang akan berlaku berbanding zaman dulu apabila kemalangan seperti itu kerap berlaku kerana tiada radar.

Beliau berkata, soal sama ada kerjasama yang lebih baik antara Malaysia dan Singapura boleh mengelak kejadian seumpama itu berlaku, tidak timbul kerana kapten kapal sepatutnya lebih berhati-hati.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai kejadian dua rakyat Malaysia yang diusir pihak berkuasa Australia minggu lalu kerana dilabel sebagai penganas.

"Saya menjangka ini untuk berlaku kerana mereka melihat sesiapa saja yang kulitnya berwarna dan mempunyai janggut, kelihatan seperti Saddam Hussein, mereka akan ditahan. Itulah cara dia," katanya.

Penyelia kilang, A Rajarendra Prasad, 24 dan rakannya, pengendali kren, R Murugan, 28, yang pertama kali ke luar negara hanya sempat berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sydney kira-kira lima jam, sebelum dihantar pulang ke sini Jumaat lalu.

Mereka ditahan di lapangan terbang itu dan dilabel sebagai pengganas serta dilarang memasuki semula negara berkenaan selama tiga tahun.